

on 11 June 2014

SMK Luar Bandar No.1 Sibu lawat UNIMAS



KOTA SAMARAHAN, 11 Jun 2014 : Seramai 29 orang pelajar termasuk tujuh orang guru pengiring dari SMK Luar Bandar No.1, Sibu, telah mengadakan lawatan ke Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) hari ini.

Kehadiran rombongan pelajar dan guru tersebut telah disambut mesra oleh Penolong Pendaftar dari Bahagian Perancangan dan Komunikasi Korporat, Puan Aileen Anne ak Jinggong. Menurut ketua rombongan, Cikgu Shidin ak Dato', tujuan lawatan ke UNIMAS adalah untuk memberi informasi kepada pelajar mengenai syarat kemasukan dan pilihan kursus yang ada semasa mereka membuat pilihan untuk masuk ke Institut Pengajian Tinggi Awam kelak. Selain itu, ia juga sebagai mendedahkan pelajar mengenai kehidupan sebagai seorang pelajar di menara gading.

Kata beliau, lawatan belajar seperti itu sememangnya diadakan setiap tahun oleh sekolah berkenaan dan ia sebagai satu daripada sokongan pihak sekolah kepada pelajar untuk memastikan pelajar dari SMK Luar Bandar, Sibu, dapat memasuki peringkat pengajian yang lebih tinggi selepas tamat tingkatan lima dan enam.

Dalam sesi lawatan tersebut, Puan Aileen Anne turut menyampaikan taklimat ringkas mengenai penubuhan dan fakulti-fakulti yang terdapat di dalam UNIMAS kepada para ahli rombongan dan rombongan di bawa melawat sekitar Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA) dan sekitar kawasan UNIMAS.